

Jangan terburu-buru tukar pasport

Oleh KU MOHD. RIZDUAN
KU ABDUL RAHMAN
Berita@kosmo.com.my

SELANGOR - Orang ramai dinasihatkan tidak terburu-buru menukar pasport sedia ada yang ditawarkan pada harga mampu milik RM100 untuk tempoh dua tahun kepada e-Pasport Malaysia versi Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Desas-desus mengenai pasport lama itu yang kononnya akan dihentikan pengeluarannya selepas e-Pasport mula dikeluarkan bulan lepas mendorong banyak kaunter Imigresen di Lembah Klang sesak.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Abdul Rahman Othman memberi jaminan kerajaan tidak akan menghentikan pengeluaran pasport lama selagi ia masih sah digunakan.

Pasport lama itu turut dikeluarkan untuk tempoh lima tahun dengan bayaran RM300.

“Saya memohon kepada orang ramai supaya tidak membanjiri pejabat Imigresen seolah-olah pasport lama akan dihentikan.

“Jika orang ramai ingin membuat penukaran pasport, biarlah ia dibuat apabila tempohnya telah tamat,” katanya kepada pemberita di Depoh Tahanan Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bagi menyaksikan penghantaran pulang 144 pendedahan asing tanpa izin ke negara asal



KAKITANGAN Imigresen, Sophiana Simdie menunjukkan Pasport Malaysia dan e-Pasport Malaysia versi ICAO (kanan) di Putrajaya semalam.

mereka di sini semalam.

Pada 2 Februari lalu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein melancarkan e-Pasport versi ICAO yang dijangka memberi pelbagai faedah termasuk melancarkan pergerakan di pintu-pintu masuk antarabangsa.

Perubahan ketara yang dapat dilihat ialah logo e-Pasport, muka surat biodata, ruang tandatangan dan cetakan imej di setiap 48 muka surat visa.

Menurut Abdul Rahman, sehingga 28 Februari lalu, sebanyak 36,926 e-Pasport versi ICAO dikeluarkan di Lembah Klang iaitu

Selangor (19,994), Kuala Lumpur (13,608) dan Putrajaya (3,324).

Selain Lembah Klang, pasport baru ini boleh dipohon di Pahang sejak 20 Februari lalu dan akan disusuli Kelantan dan Terengganu pada 27 Mac.

“Kita akan memperluaskan pengeluaran pasport baru ini ke negeri-negeri lain secara berperingkat-peringkat,” jelasnya.

Dalam pada itu, Abdul Rahman memberitahu, semua operasi permohonan pasport di Putrajaya telah dipindahkan dari Ibu Pejabat Imigresen di Presint 2 ke cawangan Presint 14 sejak 22 Februari lalu.

Info e-Pasport Malaysia versi ICAO

Piawai yang ditetapkan

- Struktur susun data melibatkan peningkatan ruang untuk pengisian data.
- Format biometrik melibatkan perubahan daripada sistem persendirian kepada sistem terbuka.
- Imej melibatkan resolusi gambar yang lebih tinggi untuk pengecaman wajah dengan lebih tepat.
- Pengesahan dokumen, peralihan daripada Secured Access Module kepada Public Key Infrastructure melibatkan data yang terkandung dalam cip elektronik boleh dibaca oleh mesin pengimbas negara-negara lain.

Reka bentuk

- Mengandungi 48 muka surat
- Maklumat pemegang di muka surat 2
- Ruang tandatangan di muka surat 3
- Makluman untuk pemegang di muka surat 47
- Setiap muka surat visa mempunyai imej monumen Malaysia
- Kadar bayaran sama seperti pasport lama iaitu RM100 untuk dua tahun dan RM300 untuk tempoh lima tahun

Sumber: <http://www.imi.gov.my>